

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :

- A) **Penolong Akauntan Gred W27**
- B) **Penolong Pegawai Tadbir Gred N27**

A) Jawatan	:	Penolong Akauntan Gred W27
Klasifikasi	:	Perkhidmatan Kewangan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Sokongan
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Gred W27	:	P1T1 RM1209.09 - P1T26 RM3031.64 P2T1 RM1278.67 - P2T26 RM3217.79 P3T1 RM1351.27 - P3T26 RM3409.80

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memilih kelayakan seperti berikut :-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup Iklan Jawatan
- c) Kelayakan Akademi

Diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank atau pengajian perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T5); atau

Licentiate of Chartered of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T8); dan

lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan adalah layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- i) mempunyai kelayakan di perenggan di atas; atau
- ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

B) Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir Gred N27
Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Taraf Jawatan : Kontrak

Gred N27 : P1T1 RM1204.55 - P1T26 RM3027.10
P2T1 RM1274.13 - P2T26 RM3213.25
P3T1 RM1346.73 - P3T26 RM3405.26

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memilih kelayakan seperti berikut :-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup Iklan Jawatan
- c) Kelayakan Akademi

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T1); atau

Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5); atau

Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : P1T6); dan

lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Pekeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pengurus Stesen, Pemeriksa Cap Jari dan Penyelia Jurupakaian adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- i) mempunyai kelayakan di perenggan di atas; atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON :

Semua calon hendaklah mengemukakan permohonan sendiri berserta salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan, salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran, dan menyertakan pengalaman-pengalaman tugas dan gambar ukur passport.

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

**Pengurus Besar,
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu,
Tingkat 14, Menara Permint,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu.**

Tarikh Tutup : 13hb. Mei 2010

CATATAN

- i) Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga
- ii) Untuk mendapat maklumat terperinci mengenai iklan permohonan, sila lawati laman web Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu di alamat www.pmint.gov.my.